

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 09 OKTOBER 2013 (RABU)**

| <b>Bil</b> | <b>Tajuk</b>  | <b>Akhbar</b>   |
|------------|---|-----------------|
| 1.         | Syor stesen penyelidikan di Antartika   | Berita Harian   |
| 2.         | Kesungguhan politik prasyarat untuk teruskan penyelidikan saintifik mengenai Antartika – Sultan Mizan | Bernamea.com    |
| 3.         | 150 penyelidik negara cemerlang di Antartika  | Utusan Malaysia |
| 4.         | LabAsia 2013 tarik 8,000 pengunjung   | Berita Harian   |
| 5.         | Dewan Negara lulus Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2013  | Bernamea.com    |
| 6.         | TPPA – Malaysia bukan ‘pak turut’ - PM  | Utusan Malaysia |
| 7.         | TPPA – bisik-bisik  | Utusan Malaysia |

# Syor stesen penyelidikan di Antartika

» **Usaha mantap MARP, harumkan nama negara**

Oleh **Petah Wazzan Iskandar**  
wazzan@bh.com.my

► **Georgetown**

**S**ultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin, mencadangkan stesen penyelidikan Malaysia dibangunkan di Antartika bagi memantapkan Program Penyelidikan Antartika Malaysia (MARP), sekali gus mengharumkan nama negara.

Baginda yang juga Penaung Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) bertitah, Malaysia boleh berbangga mampu melahirkan 150 saintis termasuk graduan Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang penyelidikan berkenaan walaupun tidak mempunyai stesen penyelidikan di situ.

"Sekiranya saintis tempatan ini mampu membuktikannya dalam keadaan sedemikian, ini membuat beta berfikir, sejauh mana Malaysia boleh maju dalam pembangunan penyelidikan Antartika.

## Visi negara

"Malah, kehendak dan kesungguhan kuat pihak kerajaan adalah syarat perlu untuk mengekalkan penyelidikan saintifik di Antartika, selain penting dalam membawa visi negara di mana Antartika perlu dikongsi dengan semua manusia di dunia," titah baginda.

Sultan Mizan bertitah demikian ketika merasmikan persidangan Seminar Antarabangsa Antartika Malaysia Ke-6 (MISA6) di Batu Feringgi di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin dan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Said.

Persidangan anjuran bersama MARP, YPASM, Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan (NARC) dan Akademi Sains Malay-

sia, bertujuan mengumpul penyelidik dari dalam dan luar negara bagi berkongsi hasil penyelidikan Antartika.

Sementara itu, Ewon berkata, Malaysia adalah ahli perundingan di bawah Sistem Perjanjian Antartika (ATS) yang menyediakan kebebasan terhadap penggunaan Antartika sebagai pusat penyelidikan saintifik dan pertukaran hasil penyelidikan serta kakitangan.

## Salur RM10 juta

"Kerajaan sudah menyalurkan RM10 juta kepada YPASM, malah, Terengganu turut menyalurkan RM2 juta dan Yayasan 1MDB pula menyalurkan RM1 juta bagi menjayakan aktiviti dan program penyelidikan ke arah kepentingan Benua Antartika kepada manusia.

"MARP berjaya mencapai objektifnya melahirkan ramai saintis Antartika dan menjadikan Malaysia antara satu negara aktif menjalankan penyelidikan di Kutub Selatan hingga terpilih sebagai ahli Jawatankuasa Saintifik Penyelidikan Antartika (SCAR)," katanya.



Sultan Mizal Zainal Abidin **menandatangani buku baginda ketika berada di Antartika** yang dihasilkan Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan selepas merasmikan Seminar Antarabangsa Antartika Malaysia Ke-6 (MISA6), semalam. (FOTO RAMDZAN MASIAM/BH)



## **Kesungguhan Politik Prasyarat Untuk Teruskan Penyelidikan Saintifik Mengenai Antartika - Sultan Mizan**

GEORGE TOWN, 8 Okt (Bernama) -- Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin bertitah kesungguhan politik secara mendalam oleh kerajaan merupakan prasyarat utama untuk membolehkan penyelidikan saintifik berkaitan Antartika terus dilakukan.

Titah baginda, satu lagi langkah penting ialah meneruskan wawasan kerajaan Malaysia agar Antartika dikongsi bersama oleh semua pihak, demi kesejahteraan seluruh umat manusia.

"Jika kita mampu mencapai begitu banyak kejayaan dengan keadaan yang ada sekarang, bayangkanlah betapa banyak kemajuan yang boleh Malaysia capai dalam penyelidikan Antartika sekiranya negara ini mempunyai stesen penyelidikan di benua itu," titah baginda ketika merasmikan Seminar Antarabangsa Malaysia Keenam mengenai Antartika di sini, Selasa.

Sultan Mizan bertitah penglibatan Malaysia dalam Sistem Perjanjian Antartika (ATS) juga merupakan langkah tepat untuk membolehkan negara ini memanfaatkan pelbagai sumber bagi meneruskan penyelidikan saintifik tentang benua itu.

Majlis perasmian seminar dua hari itu turut dihadiri [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin](#) dan Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Ahmad Said.

Sultan Mizan, yang juga penaung Yayasan Penyelidikan Antartik Sultan Mizan, bertitah adalah sesuatu yang membanggakan apabila usaha Malaysia melalui "Persoalan Antartika", yang ditimbulkan pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa Bersatu, secara tidak langsung menjadikan ATS lebih telus dan inklusif kepada negara anggota lain.

"Ketika usaha dilakukan di peringkat politik untuk mengubah kedudukan eksklusif Antartika kepada keprihatinan bersama dan kerjasama penyelidikan, para saintis Malaysia mempelopori penyelidikan tentang benua itu dalam bidang nic dan menjadi pakar yang sering dirujuk oleh rakan sejawatan mereka dari negara lain," titah baginda.

Baginda juga mengucapkan syabas kepada kira-kira 150 saintis dan pelajar muda Malaysia yang mengharumkan nama negara, walaupun Malaysia tidak memiliki stesen penyelidikan di Antartika.

Sementara itu, Dr Ewon menggesa sektor swasta dan syarikat multinasional supaya menyertai kerajaan dalam memberi sokongan terhadap usaha mengekalkan pembabitan Malaysia dalam penyelidikan berkaitan kutub serta meningkatkan kemampuan penyelidikan dalam bidang utama sains di peringkat global.

"Kita adalah antara segelintir negara tropika yang menceburi bidang penyelidikan kutub dan baru-baru ini, Malaysia dipilih menjadi tuan rumah Persidangan Sains Terbuka Jawatankuasa Saintifik mengenai Penyelidikan Antartika (SCAR) 2016," titah baginda.

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 03**  
**TARIKH: 09 OKTOBER 2013 (RABU)**

## 150 penyelidik negara cemerlang di Antartika

PULAU PINANG 8 Okt. - Biarpun tidak memiliki stesen penyelidikan sendiri di Antartika, sebanyak 150 penyelidik muda dari Malaysia yang sedang membuat kajian peringkat sarjana dan ijazah doktor falsafah di benua itu mampu membanggakan negara.

Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin bertitah, jika kecemerlangan tersebut diteruskan tidak mustahil Malaysia mampu memiliki stesen penyelidikan sendiri di Antartika sekali gus melonjak nama

negara di peringkat antarabangsa.

Baginda bertitah, menjadi visi kerajaan kejayaan di Antartika dikongsi bersama seluruh dunia dan penyelidikan berkenaan dapat dikekalkan.

"Hasil usaha yang ditonjolkan Malaysia menerusi 'Persoalan Tentang Antartika' yang dibangkitkan dalam Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu secara tidak langsung menjadikan Sistem Perjanjian Antartika (ATS) lebih telus kepada negara ahlinya.

"Penyertaan Malaysia dalam ATS juga adalah langkah tepat untuk membolehkan negara mempelbagaikan sumber bagi meneruskan penyelidikan di Antartika," titah baginda yang juga Penaung Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) ketika merasmikan Seminar Antarabangsa Antartika Malaysia Keenam di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin dan Pemangku Naib Canselor Universiti Sains Malaysia,

Prof. Datuk Dr. Ahmad Shukri Mustapha Kamal.

Sementara itu, Pengarah Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan, Profesor Datuk Dr. Azizan Abu Samah berkata, Malaysia akan menjadi negara Asia pertama menganjurkan Persidangan Jawatankuasa Saintifik bagi Penyelidikan Antartika yang menggunakan format baharu pada 2016.

Menurutnya, penyelidikan dan penerokaan Antartika mampu membawa faedah kepada negara

dan sejagat yang menghasilkan pelbagai fenomena unik seperti lohong ozon, ikan yang mempunyai protein penghalang beku dan pelbagai fenomena yang belum dikaji sebelum ini.

"Pada masa ini terdapat 27 negara yang telah memiliki stesen penyelidikan di Antartika dan kita akan menyertai mereka, namun apa yang penting adalah sokongan kerajaan serta kajian menyeluruh mengenai keperluan pembinaan stesen berkenaan," katanya.

KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT B6  
TARIKH: 09 OKTOBER 2013 (RABU)



Khatijah (kiri) merasmikan LabAsia 2013 sambil diperhatikan Soon (kanan) di Kuala Lumpur, semalam. [FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]

## LabAsia 2013 tarik 8,000 pengunjung

**Pameran** antarabangsa dwitahunan, LabAsia 2013 yang berlangsung semalam sehingga 10 Oktober ini dijangkakan menarik lebih 8,000 pengunjung terdiri daripada saintis, penyelidik, ahli kimia serta profesional makmal dari Malaysia dan rantau Asia Tenggara.

Acara yang dianjurkan Institut Kimia Malaysia (IKM) itu mempamerkan produk terbaru dan peralatan kelengkapan makmal yang canggih menerusi teknik terbaru.

Presiden IKM, Datuk Dr Soon Ting Kueh berkata, pihaknya berharap pempamer luar yang menyertai pameran akan memilih untuk melabur di negara ini.

"Ini kerana kita mempunyai tenaga kerja yang berkemahiran dan perlu saling bekerjasama dengan pengeluar produk peralatan makmal.

"Selain itu, Malaysia juga sedang berkembang menjadi pasaran yang besar bagi industri makmal dan saintifik," katanya pada sidang media selepas majlis perasmian pameran berkenaan di Kuala Lumpur, semalam.

Pameran berkenaan dirasmikan Timbalan Ketua Setiausaha (Sains) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Prof Datin Paduka Dr Khatijah Mohd Yusoff yang mewakili Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin.

LabAsia 2013 dianjurkan khusus buat peserta industri makmal dan saintifik yang terdiri daripada profesional seperti ahli kimia, ahli biokimia, ahli mikro biologi, penganalisis, penyelidik pembangunan serta pengurus makmal.

Ia membabitkan penyertaan 150 syarikat dari 23 negara yang

mewakili lebih 500 jenama. Pameran berkenaan juga memberi peluang kepada pengunjung untuk melihat secara lebih dekat peralatan canggih terkini dan perkhidmatan analitikal yang ditawarkan.

### **Pameran tiga hari**

Soon berkata, pameran selama tiga hari itu juga menampilkan lebih banyak penyertaan syarikat antarabangsa dari China, India, Singapura dan Jerman yang ditempatkan di astaka khusus.

"Sepanjang pameran LabAsia 2013 berlangsung, pelbagai persidangan dan seminar teknikal turut dianjurkan dan ia dijangka menjadi landasan terbaik pakar industri yang berkaitan untuk mengembangkan rangkaian perniagaan di samping berkongsi pengalaman dengan peserta industri lain," katanya.

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 9 OKTOBER 2013 (RABU)



## Dewan Negara Lulus Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2013

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Persidangan Dewan Negara Selasa meluluskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2013 selepas dibahaskan sejak Isnin.

Rang undang-undang itu memperuntuk wang tambahan sebanyak RM15.014 bilion kepada beberapa kementerian dan jabatan sebagai perbelanjaan pembangunan tambahan pertama tahun ini.

Antara yang memperoleh peruntukan tambahan itu ialah Parlimen, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air serta [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi](#).

Selain itu, peruntukan tambahan berkenaan turut melibatkan Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Ahmad Maslan, ketika menggulung perbahasan rang undang-undang itu berkata kenaikan harga minyak di pasaran merupakan antara faktor yang menjurus kepada keperluan menyediakan bajet tambahan.

Katanya, bajet tambahan juga diperlukan untuk perbelanjaan emolumen selaras dengan keputusan kerajaan untuk menambah baik skim perkhidmatan tentera dan polis.

Mengulas mengenai Laporan Ketua Audit Negara 2012, Ahmad Maslan berkata Kementerian Kewangan memandang serius perkara yang dibangkitkan dan akan mengkaji dokumen itu sebelum mengambil tindakan lanjut.

Persidangan dewan bersambung Rabu.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3  
TARIKH : 09 OKTOBER 2013 (RABU)

# Tiada paksaan tandatangani TPPA yang akan dimuktamadkan hujung tahun ini Malaysia bukan 'pak turut' - PM



**NUSA DUA (BALI) 8 Okt.** - Malaysia sama sekali bukan 'pak turut' dalam rundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) sebaliknya terlibat memberi input dan pandangan berasaskan kepentingan negara dalam proses untuk menentukan kerangka perdagangan bebas dunia yang baru itu, tegas Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri turut menekankan sekali lagi bahawa tiada paksaan kepada 12 negara yang mendingi TPPA termasuk Malaysia untuk memuktamadkan perjanjian itu sebelum hujung tahun ini.

"Kita bukan 'pak turut'. Dalam undingan itu, memang saya beruara tegas menyatakan pendirian kita dalam hal ini. Kita tidak menjadi pak turut sama sekali. Itu tidak benar. Kita masuk dengan kerelaan hati kerana kita merupakan antara negara perdagangan yang terbesar di dunia.

"Sebab itu kita ada kepentingan masuk sebagai rakan TPPA supaya ada peluang untuk menentukan kerangka perdagangan bebas dunia yang baru. Sebab ia dalam proses untuk menggariskan peraturan perdagangan bebas dunia pada masa depan.

"Kalau kita tidak terlibat dalam undingan itu maka kita tidak ada peluang untuk memberi input dan pandangan kita dalam kita menandakan masa depan perdagangan bebas dunia.

Jadi sekarang ini, Malaysia adalah



NAJIB Tun Razak (kanan) hadir pada Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Perjanjian Perdagangan Trans-Pasifik (TPPA) di Nusa Dua, Bali, Indonesia semalam. - BERNAMA

sebahagian daripada anggota (TPPA) dan kita ada hak untuk berbuat demikian," katanya kepada wartawan Malaysia sejourus selesai menghadiri mesyuarat TPPA yang diadakan di luar Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) Ke-21 di sini hari ini.

Perdana Menteri menyangkal dakwaan sesetengah pihak kononnya Malaysia hanya mengikut telunjuk negara lain yang mahukan perjanjian itu dimuktamadkan segera sebaliknya menegaskan kerajaan konsisten dengan pendirian bahawa kepentingan nasional menjadi keutamaan.

"Bukan bererti kita akan terima segala-galanya. Saya sudah katakana berkali-kali dan Datuk Seri Mustapa Mohamed pun sudah ulangi bahawa

kita tidak akan korbankan kepentingan nasional.

"Maknanya kita hendak TPPA tetapi TPPA yang tidak mengorbankan kepentingan nasional," tegasnya.

Justeru Najib menjelaskan walaupun TPPA menetapkan objektif pada hujung tahun ini, sasaran itu tidak semestinya dicapai sebaliknya mungkin dilanjutkan sekiranya ada isu-isu tertentu yang penting yang tidak dapat diputuskan dalam tempoh masa tersebut.

Perdana Menteri menanggapi secara prinsipnya Malaysia tidak ada masalah dalam soal perdagangan dan pelaburan kerana mempunyai rekod yang cemerlang dalam dua bidang utama itu namun terdapat sensitiviti dalam aspek-aspek tertentu yang ber-

sangkut paut soal kedaulatan negara dan hak untuk menentukan dasar-dasar tempatan.

Ini termasuk katanya, soal pemerolehan kerajaan, syarikat milik kerajaan, penyelesaian pertikaian dan harta intelek (IPR).

Menurut Najib, beliau juga telah memaklumkan pada mesyuarat TPPA tentang proses domestik yang perlu dilalui oleh Malaysia sejajar dengan pendirian kerajaan untuk bersikap telus dalam isu itu.

"Saya perlu terangkan kepada Kabinet, selepas itu rakyat Malaysia dan disusuli perbahasan di Parlimen. Jadi ini adalah proses domestik yang perlu kita lalui," katanya.

Menurutnya, anggota TPPA lain memahami pendirian Malaysia itu walaupun kebanyakan negara terlibat mahu ia dimuktamadkan secepat mungkin kerana tidak mahu menyekat momentum tambahan pula mereka tidak ada cabaran dan

sensitiviti seperti Malaysia.

"Kita di Malaysia ada sensitiviti tertentu. Mereka faham dan saya sudah minta Tok Pa (Mustapa) dan pegawai-pegawai yang terlibat dalam proses ini untuk merundingkan perkara ini berdasarkan kepentingan Malaysia," jelasnya.

TPPA menjadi isu yang cukup kontroversi sejak idea pembentukannya yang ketika itu dikenali sebagai Perjanjian Perkongsian Strategik Ekonomi Trans-Pasifik atau P4 bermatlamat meliberalisasi ekonomi rantau Asia Pasifik digerakkan oleh Brunei, Chile, New Zealand dan Singapura pada 2005.

Malaysia menyertai rundingan TPPA pada 2010. Rundingan tersebut kini diperluaskan meliputi 12 anggota.

Negara lain yang turut menyertai rundingan TPPA ialah Australia, Vietnam, Mexico, Kanada, Peru, Amerika Syarikat dan Jepun. - UTUSAN



**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (RENCANA) : MUKA SURAT 12**  
**TARIKH: 09 OKTOBER 2013 (RABU)**

≥ **BISIK-BISIK**

ISU Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), cukup sensitif. Sebelum ini, Awang mendapat laporan banyak pihak termasuk pemimpin politik pun kurang bersetuju dengan rundingan kerjasama perdagangan tersebut.

Memanglah dari segi konsepnya, TPPA itu ada baiknya dari segi pengurangan cukai, kemudahan dagangan dan mempermudah pelaburan dan perkhidmatan antara negara yang menandatangani perjanjian tersebut.

Tetapi bagi Awang, kerajaan perlu juga melihat kebimbangan terhadap kedudukan perusahaan kecil dan sederhana, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan nasib usahawan bumiputera.

Lebih tidak menyeronokkan ialah rundingan TPPA melibatkan Amerika Syarikat yang keikhlasan dan ketelusannya diragui banyak negara.

Awang setuju sangat langkah Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan menyatakan pendirian Malaysia untuk melakukan proses dalaman dahulu iaitu menerangkan perjanjian berkenaan kepada rakyat Malaysia, Kabinet dan perbincangan di Parlimen, sebelum membuat keputusan.

Malaysia bukan 'pak turut' dalam rundingan TPPA demi menjaga kepentingan negara.

Awang minat dengan langkah atau strategi Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed yang mengadakan pertemuan dengan banyak pihak untuk mendapat maklumat tentang TPPA.

Kata beliau, negara kita ada tiga pilihan iaitu pertama, keluar daripada rundingan TPPA itu sekarang. Kedua, tunggu dan lihat perkembangannya, dan ketiga, kita ikut berperingkat-peringkat.

Apa pun, perkara yang melibatkan masa depan negara ini usah terburu-buru membuat keputusan.

**AWANG - Tak mahu tersilap.**

*Awang Selamat*